Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

JaPen anjur Pentarama X Kelab Malaysiaku di 38 sekolah

BERNAMA - Ogos 5, 2024 @ 12:20pm



Timbalan Ketua Pengarah (Komunikasi Strategik) JaPen, Rubaayah Osman (depan enam dari kiri) bersama Pengetua SMK Putrajaya Presint 9 (1), Ai'iri Abu Bakar (depan empat dari kiri) mengibar Jalur Gemilang pada program Pentarama X Kelab Malaysiaku sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024 di sekolah berkenaan, hari ini. - BERNAMA

PUTRAJAYA: Sempena Bulan Kebangsaan, Jabatan Penerangan (JaPen) menganjurkan Pentarama X Kelab Malaysiaku bersama 38 sekolah di lima negeri, dalam usaha memupuk dan menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan pelajar.

Skuad Pentarama X Kelab Malaysiaku akan berada di sekolah terpilih di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak, dengan pelbagai aktiviti bersifat patriotisme akan diadakan bersama pelajar.

Timbalan Ketua Pengarah (Komunikasi Strategik JaPen), Rubaayah Osman, berkata program berkenaan dijayakan dengan kerjasama antara rakan strategik agensi itu, iaitu Kementerian Pendidikan (KPM).

"Ia diadakan melalui sekolah kerana di sekolahlah bermulanya semangat cintakan negara yang dapat kita pupuk. Generasi muda perlu kita pupuk dengan semangat (patriotik) supaya mereka merasakan negara ini hak mereka.

"Mereka perlu melindungi dan mencintai negara ini selamanya," katanya kepada media selepas Program Pentarama X Kelab Malaysiaku Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024, di sini hari ini.

Rubaayah berkata, selain meningkatkan semangat patriotik, program itu juga bertujuan memberi kefahaman dan pendedahan kepada pelajar sekolah mengenai kepentingan mengekalkan keamanan dan perpaduan di Malaysia.

Antara pengisian program itu, yang berlangsung sehingga 16 September depan adalah sembang santai, nyanyian lagu patriotik dan kuiz kenegaraan.